



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 292

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN TERNAKAN NEGARA (PEMBUBARAN) 1983

Sebagaimana pada 1 Disember 2011

**AKTA LEMBAGA KEMAJUAN
TERNAKAN NEGARA (PEMBUBARAN) 1983**

Tarikh Perkenan Diraja 28 November 1983

Tarikh penyiaran dalam Warta 15 Disember 1983

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 292****AKTA LEMBAGA KEMAJUAN
TERNAKAN NEGARA (PEMBUBARAN) 1983**SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Pemansuhan dan pembubaran
4. Pemindahan kuasa, hak, dsb.
5. Pemindahan harta
6. Pemindahan kumpulan wang
7. Kontrak sedia ada
8. Penerusan prosiding sivil
9. Penerusan undang-undang, dsb.
10. Pencegahan kesulitan atau anomali

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 292****AKTA LEMBAGA KEMAJUAN
TERNAKAN NEGARA (PEMBUBARAN) 1983**

Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972, membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta itu, memindahmilikkan semua hartanya kepada Kerajaan dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara lain yang berkaitan dengannya.

[1 Januari 1985, P.U. (B) 590/1984]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) 1983.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“Lembaga” ertinya Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972 [*Akta 73*];

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pertanian.

Pemansuhan dan pembubaran

3. Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972 adalah dimansuhkan dan Lembaga adalah dibubarkan.

Pemindahan kuasa, hak, dsb.

4. Semua kuasa, hak, keistimewaan, tugas, liabiliti dan tanggungan yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini terletak hak pada Lembaga hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, diturunkan kepada Kerajaan.

Pemindahan harta

5. (1) Semua tanah yang sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini terletak hak pada Lembaga hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, diletakhakkan pada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi maksud Kerajaan.

(2) Semua harta dan aset selain tanah yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini terletak hak pada Lembaga atau pada mana-mana orang bagi pihaknya hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, di letakhak pada Kerajaan.

Pemindahan kumpulan wang

5. Semua wang yang ada pada Lembaga atau yang kena dibayar kepadanya hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, dipindahkan, dan diletak hak pada Kerajaan.

Kontrak sedia ada

7. Semua surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan yang menyentuh mana-mana harta yang dipindah milik di bawah seksyen 5, hendaklah berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya terhadap atau untuk Kerajaan dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuh dan berkesannya seolah-olah Kerajaan telah dinamakan dalamnya atau menjadi satu pihak kepadanya dan bukan Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Lembaga.

Penerusan prosiding sivil

8. (1) Apa-apa prosiding sivil atau kausa tindakan yang menunggu keputusan atau sedia ada sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini oleh atau terhadap Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya bolehlah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Kerajaan sama seperti yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga atau orang sedemikian itu seolah-olah Akta ini tidak pernah diluluskan.

(2) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohon, pada atau selepas permulaan kuat kuasa Akta ini terhadap keputusan yang diberi sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dalam mana-mana prosiding undang-undang yang mana Lembaga menjadi satu pihak bolehlah dibawa oleh atau terhadap Kerajaan.

Penerusan undang-undang, dsb.

9. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, semua undang-undang bertulis, perintah, kaedah dan peraturan yang menyentuh atau untuk perlindungan Lembaga dan berkuat kuasa sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, sehingga dipinda atau dibatal oleh pihak berkuasa berkenaan yang mempunyai kuasa berbuat demikian, terus berkuat kuasa dan hendaklah ditafsirkan seolah-olah Akta ini tidak pernah diluluskan:

Dengan syarat bahawa apa-apa sebutan di dalamnya mengenai Lembaga, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kerajaan dan ungkapan yang membawa erti sebutan sedemikian hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Pencegahan kesulitan atau anomali

10. (1) Jika timbul apa-apa kesulitan atau anomali berkaitan dengan pelaksanaan peruntukan Akta ini, Menteri boleh melalui perintah membuat apa-apa ubah suaian di dalamnya yang pada hematnya perlu untuk menghapuskan atau mencegah kesulitan atau anomali itu.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) selepas tamatnya tempoh tiga tahun dari permulaan kuat kuasa Akta ini.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 292****AKTA LEMBAGA KEMAJUAN
TERNAKAN NEGARA (PEMBUBARAN) 1983**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang
meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari- TIADA -

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 292

**AKTA LEMBAGA KEMAJUAN
TERNAKAN NEGARA (PEMBUBARAN) 1983**

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	- TIADA -	
